

Sejarah dan Peranan Muslimat dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Negeri Terengganu pada tahun 1952 Sehingga 2004

The History and Role of Muslimat in The Malaysian Islamic Party (PAS) in Terengganu State from 1952 to 2004

Noor Asyanti Abu Bakar*

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*emel: asyantiabubakar@gmail.com

Published: 26 April 2024

To cite this article (APA): Abu Bakar, N. A. (2024). Sejarah dan Peranan Muslimat dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Negeri Terengganu pada tahun 1952 Sehingga 2004. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 16(1), 54–65. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.1.5.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.1.5.2024>

Abstrak

Sejarah penglibatan wanita dalam politik di Malaysia bermula sekitar tahun 1946 melalui penubuhan Kaum Ibu yang berkembang sehingga tertubuhnya Pergerakan Wanita *United Malays National Organisation* (UMNO). Manakala, dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS), penglibatan wanita bermula pada 3 April 1952. Sejarah wanita dalam politik di Negeri Terengganu kurang dibahas oleh para pengkaji politik. Kajian Mohd Soud Said (1999) hanya membincangkan peranan muslimat di daerah Kuala Terengganu. Justeru, kajian ini bertujuan mensintesis maklumat sejarah muslimat di negeri Terengganu dari tahun 1952 sehingga 2004. Selain itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai status dan kedudukan muslimat dalam organisasi parti. Seterusnya menganalisis peranan muslimat dalam parti dan kerajaan negeri. Pendekatan kualitatif telah digunakan iaitu analisis dokumen dan manuskrip dari Arkib PAS. Kajian turut disokong oleh sumber yang diperoleh dari Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia serta temu bual tokoh-tokoh penting PAS. Hasil kajian telah mendapati muslimat PAS di negeri Terengganu telah berperanan sebagai pemimpin, *naqibah*, pendidik, dan aktivis kebajikan masyarakat. Suara mereka turut didengari dan menjadi sebahagian daripada pembuat keputusan. Selain itu, mereka juga terlibat dalam Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu (BPPNT), serta berperanan sebagai pendidik di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan *naqibah* usrah. Kesimpulannya, penglibatan dan pencapaian muslimat PAS membuktikan keberadaan mereka sebagai salah satu organ parti yang melengkapkan, sekaligus berjaya meningkatkan kuantiti dan kualiti ahli serta memperkasa peranan wanita dalam politik. Implikasi daripada kajian menunjukkan kepentingan penglibatan wanita sebagai pengimbang, rakan kongsi dan seterusnya menjadi suara bagi golongan mereka dalam meneruskan agenda pembangunan masyarakat dan negara.

Kata Kunci: Sejarah Penglibatan Wanita, Wanita dalam Politik, Muslimat, PAS, Terengganu

Abstract

The history of women's involvement in politics in Malaysia began around 1946 with the establishment of the Pergerakan Wanita United Malays National Organisation (UMNO). Meanwhile, in The Malaysian Islamic Party (PAS), women's involvement began on 3 April 1952. Studies on the history of women's involvement within the political field in Terengganu by political analyst are still lacking. Mohd Soud Said (1999) only discusses the role of Muslim women in the district of Kuala Terengganu. Therefore, the aim of this research is to synthesize the historical information of muslimat in the state of Terengganu from 1952 to 2004. In addition, the objective of this research is to assess the status and position of muslimat in the party organization. Subsequently analyze the role of muslimat in the party and state government. A qualitative approach has been used which is the analysis of documents and manuscripts from the PAS Archives. The study was also supported by sources obtained from the Terengganu Public Library Corporation (PPAT), the Universiti Malaya Library and the Universiti Kebangsaan Malaysia Library as well as interviews of important figures of PAS. From the data collected, it was discovered

that women's involvement in PAS play important roles in the political field since they are given the responsibilities as leaders, naqibah, educators, and community welfare activists. Their voices were heard and their decisions were well respected by their fellow employee in the PAS's organization. In addition, female members are also involved in the Ulama Council, Youth Council, and the PAS Terengganu State Liaison Body (BPPNT), serving as educators such as teachers in the Islamic Nurture Centre (PASTI) as well as usrah leaders. In conclusion, the participation and accomplishments of PAS Muslim women substantiate their significance and role as an integral component of the party, contributing to the augmentation of both the quantity and quality of membership while strengthening the position of women in politics. The implications drawn from the study underscore the vital importance of women's involvement as equilibrium providers, collaborative partners, and ultimately a voice, furthering the agenda of national development.

Keywords: History of Women's Participation, Womens in Politics, Muslimat PAS, Terengganu

PENGENALAN

Pada dasarnya, asal kejadian wanita dan lelaki adalah sama, sebagaimana firman Allah Subhanahuwataala dalam Al-Quran yang bermaksud;

“Wahai manusia! Bertaqwa kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu dan yang menciptakan daripada (Adam) itu pasangannya (Hawa), dan yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan, lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu” (Surah an-Nisa 4:1).

Wanita dan lelaki juga saling memerlukan dan mempunyai peranan yang sama penting sebagaimana firman Allah yang bermaksud;

“Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan setengah mereka menjadi penolong kepada setengah yang lain, mereka menyuruh membuat kebaikan dan mencegah daripada membuat kemungkaran dan mendirikan solat” (Surah at-Taubah 9:71).

Al-Quran telah mendorong manusia agar meneliti perjalanan umat terdahulu agar diambil *ibrah* atau pengajaran untuk kehidupan selanjutnya. Penglibatan wanita dalam politik direkod dalam al-Quran melalui kisah Ratu Balqis yang memerintah sebuah kerajaan (Surah an-Naml 27:14-44). Dr. Yusuf Al-Qaradawi (1997) dalam kitab *Min Fiqh ad-Daulah Fī al-Islām* memetik kisah ini dalam mengharuskan wanita memegang jawatan kepimpinan dan politik dengan syarat-syarat tertentu. Selain itu, *ibrah* daripada sirah Rasulullah SAW juga perlu diteliti melalui kisah Aisyah binti Abu Bakar Radhiallahuanha Beliau yang juga dikenali dengan gelaran "Ibu Orang Beriman" (*Ummul Mukminin*) seperti disebut dalam al-Quran (Surah al-Ahzab 33:6) telah memainkan peranan penting dalam sejarah awal perkembangan Islam, ketika Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam hidup dan setelah baginda wafat. Menurut Ibnu Sa'ad (1983) dalam *Kitāb at-Tabaqāt al-Kubra*, keistimewaan Aisyah Radhiallahuanha adalah beliau mendahului para muslimah yang pernah meriwayatkan hadith Nabi SAW dan dianggap pemimpin wanita di zaman beliau. Justeru, perbincangan tentang penglibatan wanita dalam politik bukanlah isu yang baru, malah telah dibincangkan oleh para sarjana Islam.

Selain itu, Abu Syuqqah (2009) membincangkan ketokohan raja perempuan kerajaan Saba' dan Maryam berdasarkan dalil dari al-Quran serta penglibatan wanita dalam politik melalui pembentangan hadis Sahih Bukhari dan Muslim. Beliau turut berpendapat bahawa peristiwa Ummu Salamah yang telah memberikan pandangan dalam peristiwa Perjanjian Hudaibiyah adalah termasuk kebijaksanaan wanita dalam politik. Begitu juga kisah penglibatan wanita dalam hijrah dan *bai'ah* (Hamka, 2004). Oleh itu, pernyataan ini menegaskan bahawa penglibatan wanita dalam kepimpinan politik telah dicatat dalam sejarah Islam dan sepatutnya dijadikan teladan bagi wanita pada masa kini.

Di Malaysia, sejarah penglibatan wanita dalam politik bermula sejak era awal sejarah Tanah Melayu melalui penubuhan kumpulan seperti Kaum Ibu sekitar tahun 1946 (Makmor Tuin, 2006) dan pertubuhan seperti Angkatan Wanita Sedar (AWAS) pada era 50-an, di bawah Parti Kebangsaan

Melayu Malaya (Shamsiah Fakeh, 2007). Dalam konteks PAS, penglibatan wanita bermula melalui Dewan Muslimat, yang mempunyai visi untuk menyebarkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat Malaysia. Penumpuan diberikan kepada pembinaan masyarakat yang berakhlak dan memelihara martabat wanita. Perlembagaan PAS menetapkan tujuan-tujuan dan peranan Dewan Muslimat, yang termasuk memperjuangkan masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai Islam dan mempertahankan kedaulatan Islam serta negara.

Pusat Penyelidikan PAS (1999), menjelaskan PAS berasal daripada tulisan jawi dengan singkatan *Fa Alif Sin* (فاس), yang bermula dengan nama Persatuan Alim Ulama Se-Malaya, kemudian ditukar kepada Persatuan Islam Se-Malaya pada 23 November 1951, seterusnya Pan Malayan Islamic Party (PMIP) pada tahun 1955, kemudian Persatuan Islam Se-Tanah Melayu pada tahun 1958, dan akhirnya pada tahun 1971, nama PAS kekal sehingga kini sebagai Parti Islam Se-Malaysia (hlm. 7). Selain itu, Warta Negara bertarikh 30 Januari 1952 mendedahkan cadangan pembentukan cawangan kaum ibu dalam PAS (hlm.10-12), dan kemudian secara rasmi dicadangkan dalam Mesyuarat Agung PAS kali pertama iaitu pada 3 April 1952.

Menurut Perlembagaan PAS (edisi kemaskini 2001), visi Dewan Muslimat yang telah ditetapkan adalah *"Tertegaknya Daulah Islamiyyah di Malaysia Menerusi Tenaga Muslimat"*. Manakala misi mereka adalah;

"Membina masyarakat berakhlak dalam semua bidang kehidupan manusia dan pendokong kepada ajaran Islam sebenar; dan melahirkan Muslimat Mujahidah Berilmu, Beriman, Beramal, Bertaqwa berperanan sebagai pendakwah kepada masyarakat."

PERMASALAHAN KAJIAN

Sejarah penglibatan wanita dalam politik di Negeri Terengganu kurang dibahas oleh para pengkaji politik. Walaupun PAS tidak pernah menghalang wanita untuk menjadi pemimpin, namun kajian menunjukkan terdapat unsur-unsur ketidakseimbangan kuasa dalam politik PAS (Zaireeni Azmi, 2001). Menurut Nik Mayani Nik Wan Ku (1995), kajian terhadap muslimat PAS di Negeri Terengganu agak sukar dijalankan kerana sumber yang terhad dan kurang maklumat daripada sumber dalaman parti tersebut. Walaupun terdapat beberapa kajian dan pandangan yang berbeza mengenai isu kepimpinan muslimat, PAS telah mencatat sejarah apabila mencalonkan wanita dalam pilihan raya umum di negeri Terengganu. Khadijah Sidek telah menjadi calon PAS yang pertama menang pilihan raya pada tahun 1959 (Wan Hashim, 1995). Dan sekali lagi PAS telah meletakkan calon muslimat iaitu Napisah Ismail di DUN Kuala Besut pada pilihan raya umum ke-13. Kesediaan PAS mengetengahkan calon dari kalangan muslimat adalah bukti keterbukaan parti itu menerima perubahan, selain peka dengan perkembangan dan tuntutan politik semasa (Harakah, Bil: 1771, 31 Ogos 2012). Kajian-kajian tersebut membincangkan peranan muslimat dalam politik pilihan raya, sejauhmana peranan muslimat dalam organisasi dan masyarakat belum ada dibahaskan secara terperinci. Kajian Mohd Soud (1999) hanya membincangkan peranan muslimat di daerah Kuala Terengganu.

Dengan demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis perjalanan, peranan dan sumbangan wanita dalam politik Malaysia dalam membentuk masyarakat yang berakhlak, selaras dengan prinsip-prinsip Islam. Objektif kajian adalah untuk mensintesis maklumat sejarah muslimat Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Terengganu dari tahun 1952 hingga 2004, serta menilai status dan kedudukan mereka dalam organisasi parti, seterusnya menganalisis peranan muslimat dalam parti dan pentadbiran kerajaan negeri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kajian ini merupakan penyelidikan untuk mendapatkan maklumat mengenai peranan dan sumbangan muslimat PAS dengan menggunakan instrumen temu bual

tokoh-tokoh penting PAS. Selain itu, analisis dokumen dan manuskrip merupakan sumber primer kajian sejarah yang telah digunakan iaitu dokumen dan manuskrip yang terdapat di Arkib Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Arkib Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu serta sumber kedua yang diperoleh dari Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Pendekatan ini adalah bersesuaian dengan matlamat kajian ini yang cuba memerhatikan fenomena gerakan wanita dan sejarah perkembangan mereka dalam sesebuah parti politik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sejarah penubuhan Dewan Muslimat adalah cadangan yang diutarakan oleh Ustaz Zabidi Haji Ali;

"Mengelola dan memimpin ahli-ahli wanita supaya dapat mengambil bahagian tertentu bersama ahli lelaki PAS bagi mencapai tujuan-tujuan Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) dan berusaha meninggikan taraf kehormatan serta memelihara maruah kaum wanita. Di samping, berikhtiar menjayakan rancangan-rancangan kebajikan, pelajaran, pendidikan, kebersihan, kesihatan dan iktisad."(Arkib Dewan Muslimat PAS).

Dokumen asal Peraturan Dewan Muslimat yang telah disahkan oleh Setiausaha Agung PAS pada tahun 1966 dengan menggariskan tujuan penubuhan Dewan Muslimat adalah menyatukan para wanita Islam ke arah pembentukan perjuangan yang diredai oleh Allah dan Rasul, menghidupkan jiwa dan semangat Islam yang sebenar agar setiap ajaran dan petunjuk Islam menjadi amalan. Kemudian, Pindaan Perlembagaan PAS pada tahun 1973 telah menetapkan segala urusan Dewan Muslimat telah disatukan dalam Perlembagaan PAS. Justeru, semua halatuju disatukan dalam mencapai matlamat berikut (Fasal 5, Perlembagaan PAS, 2011);

- i. Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah.
- ii. Mempertahan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara.



Rajah 1: Gambar Ketua-ketua Dewan Muslimat PAS (DMPM, 2020)

Rajah 1 menunjukkan barisan kepimpinan muslimat yang menerajui Dewan Muslimat PAS Pusat sejak tahun 1952 sehingga tahun 2020. Toh Puan Ustazah Hajjah Fatimah @ Zainab binti Ibrahim adalah mewakili Terengganu yang juga diamanahkan sebagai Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu ketika itu. Kebanyakan ketua-ketua Dewan Muslimat tersebut mempunyai latar belakang pendidikan

agama. Ini menunjukkan ahli PAS mementingkan pendidikan agama dalam pemilihan kepimpinan mereka. Ini selaras dengan sejarah visi dan matlamat mereka yang bertunjangkan perjuangan Islam.

Sejarah Penglibatan Wanita Dalam PAS di Negeri Terengganu

Keterlibatan wanita dalam PAS Terengganu bermula dengan penubuhan cawangan pertama di Dungun pada tahun 1957. Che Diah Abdul Rahman diberi tanggungjawab sebagai Ketua Muslimat semasa awal perjuangan di Dungun. Terdapat perbezaan pendapat mengenai tarikh sebenar penubuhan PAS di Terengganu, dengan beberapa sumber menyatakan bulan Oktober 1956 (Abu Bakar, 2006). Kemudian pada tahun 1958, Jawatankuasa Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu pula ditubuhkan dan diikuti Dewan Muslimat PAS Kawasan Besut. Manakala, penubuhan Dewan Muslimat PAS peringkat Negeri Terengganu dirasmikan pada tahun 1973 oleh Ustazah Zubaidah Ali, Ketua Muslimat PAS Pusat pada masa itu (Arkib Dewan Muslimat PAS). Perkembangan ini menunjukkan bahawa keterlibatan muslimat PAS di Negeri Terengganu bermula dari peringkat cawangan dan berkembang secara berperingkat sehingga penubuhan Dewan Muslimat di peringkat negeri.

Penubuhan Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu pada tahun 1973 merupakan satu langkah penting dalam memperkasakan peranan wanita dalam politik di negeri ini. Langkah tersebut menandakan usaha yang progresif dalam memastikan wanita turut serta secara aktif dalam pembangunan politik dan sosial, terutamanya dalam konteks parti PAS. Melalui Dewan Muslimat, wanita diberi peluang untuk terlibat dalam proses membuat keputusan, membentuk dasar, serta melaksanakan program-program politik dan sosial. Penubuhan ini juga respon terhadap permintaan dan keperluan masyarakat, di mana wanita semakin aktif dalam isu-isu politik dan sosial. Dengan itu, Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu bukan sahaja memberi impak terhadap perkembangan politik, tetapi juga menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang berakhlak sejajar dengan nilai-nilai Islam yang diperjuangkan oleh parti ini.

Jadual 1: Senarai Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu pada tahun 1953 – 2017

Tahun	Ketua Dewan Muslimat Negeri Terengganu	Setiausaha
1969-1973	Hajah Azizah binti Haji As'ad	-
1973-1989	Hajah Fatimah binti Ismail	Hajah Noraidah binti Sulaiman
1989-1991	Hajah Aishah binti Hj Awang	Pn. Safinah binti Jusoh
1991-1997	Hajah Zaindun binti Yusof	Pn. Safinah binti Jusoh
1997-1999	Hajah Fatimah binti Ibrahim	Pn. Safinah binti Jusoh
1999-2001	Hajah Fatimah binti Ibrahim	Hajah Zarani binti Othman
2001-2003	Hajah Fatimah binti Ibrahim	Hajah Zarani binti Othman
2003-2011	To' Puan Hajah Fatimah binti Ibrahim	Hajah Zarani binti Othman
2011-2013	Pn. Safinah binti Jusoh	YM Raja Endun binti Raja Abdul Rahman
2013-2015	Pn. Safinah binti Jusoh	Hajah Rahimah binti Muda
2015-kini	Hajah Zarani binti Othman	Hajah Rahimah binti Muda

Sumber: Catatan Laporan Minit Mesyuarat Agung Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu, Jabatan Arkib PAS Negeri Terengganu

Jadual 1 menunjukkan ketua-ketua Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu yang menerajui barisan kepimpinan muslimat dan merupakan antara tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung dalam sejarah


awal perkembangan organisasi Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu. Namun begitu, mengikut rekod Abu Bakar Abdullah (2006), Ketua Dewan Muslimat PAS Terengganu yang pertama ialah Ustazah Siti Zubaidah Mohd Ali (1963-1966) yang merupakan isteri Ustaz Ahmad Azzam Hanafiah (Pesuruhjaya PAS Negeri Terengganu 1957-1961). Kemudian jawatan Ketua Dewan Muslimat dipegang Ustazah Azizah binti Haji As'ad (1963-1973) diikuti oleh Hajah Fatimah Ismail (1973-1989), seterusnya Hajah Aishah Awang (1989-1991), serta diikuti Hajah Zaindun Yusof (1991-1997) dan Hajah Fatimah Ibrahim (1997-2011). Gelaran To' Puan bagi Hajah Fatimah Ibrahim bermula setelah suami beliau, Dato' Haji Harun bin Taib telah mendapat anugerah kurnia Darjah Dato' Paduka Mahkota Terengganu (D.P.M.T.) daripada Sultan Terengganu yang membawa gelaran Dato' pada tahun 2002. Oleh itu, gelaran To' Puan hanya boleh digunakan bermula tahun 2002. Menurut Dato' Mustafa Ali (Temu bual penyelidik), terdapat perbezaan pendapat tentang jawatan ini kerana catatan sejarah organisasi yang tidak disimpan dengan baik, dan kebanyakan rekod berdasarkan temu bual bersama tokoh-tokoh yang terlibat. Faktor pemilihan tokoh-tokoh muslimat ini sebagai ketua (pemilihan melalui muktamar muslimat) adalah berdasarkan latar belakang pendidikan dan pengalaman serta komitmen mereka dalam gerak kerja parti. Kebanyakan daripada mereka telah lama terlibat dalam gerak kerja parti sejak dari awal penubuhan PAS di Negeri Terengganu.

Manakala penyertaan wanita dalam Pilihan Raya Terengganu pula bermula setelah dua tahun penubuhan dewan muslimat dan pada pilihan raya tahun 1959. Calon wanita yang bertanding bagi kerusi parlimen adalah Khadijah Sidek (mewakili PAS) di Parlimen Dungun, Siti Nor Abdul Hamid Tuah di Ulu Nerus (P29) dalam tahun 1974 serta Maimun Yusuf (Bebas) di Kuala Terengganu (P36) pada tahun 2008. Manakala bagi kerusi Dewan Undangan Negeri adalah Teh Hassan bagi kerusi Chukai (N19) dan Saripah Azzah Apple Syed Shith di Binjai (N22) pada tahun 1969. Kemudian, pada tahun 2008, Nordiana Shafie (mewakili Barisan Nasional) bertanding di Batu Buruk (N16) dan Napisah Ismail (PAS) di Kuala Besut (N01) pada tahun 2013. Pencalonan wanita dalam siri pilihan raya di Negeri Terengganu adalah sedikit, malah penglibatan muslimat PAS sebagai calon pilihan raya hanya dua kali iaitu pada tahun 1959 (Khadijah Sidek) dan 2013 (Napisah Ismail). Penglibatan wanita sebagai calon mewakili PAS adalah berdasarkan keputusan mesyuarat parti dengan melihat kepada kajian politik semasa.

Status dan Kedudukan Muslimat dalam Organisasi PAS Negeri Terengganu

Muslimat PAS mempunyai status dan kedudukan tersendiri dalam organisasi parti itu. Peranan utama mereka adalah dalam Dewan Muslimat PAS, yang ditubuhkan melalui muktamar PAS. Status dewan ini sama seperti Dewan Ulama' PAS dan Dewan Pemuda PAS. Namun demikian, peranan muslimat bukan sekadar tertumpu dalam Dewan Muslimat PAS, tetapi sumbangan mereka turut ada di dalam dewan, unit, jabatan dan lajnah lain, iaitu di bawah Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu. Wakil muslimat dalam Dewan Ulama' PAS dan Dewan Pemuda PAS dilihat sebagai ahli yang komited dalam melaksanakan gerak kerja parti (Temu bual Ustaz Zakaria Dagang, 2019).

Perkembangan struktur organisasi muslimat PAS Negeri Terengganu adalah kesinambungan Dewan Muslimat PAS Pusat (peringkat kebangsaan/Malaysia). Dewan Muslimat PAS Negeri ditubuhkan oleh Badan Perhubungan PAS Negeri dengan kerjasama Dewan Muslimat PAS Pusat yang dianggotai oleh ahli-ahli wanita sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 63(3) Perlembagaan PAS. Kedudukan Dewan Muslimat PAS dalam organisasi parti digambarkan seperti berikut;



Rajah 2: Carta Organisasi PAS di peringkat Negeri Terengganu (Rekod Pengurusan BPPNT, 2018)

Rajah 2 merupakan gambaran struktur organisasi secara umum bagi parti PAS di Negeri Terengganu. Hasil pemerhatian dan kajian mendapati muslimat terlibat dan berperanan dalam hampir setiap portfolio organisasi seperti keahlian Majlis Syura Ulama' PAS, Dewan Ulama' PAS, Dewan Pemuda PAS, lajnah-lajnah dan jabatan lain. Secara asasnya, tiada syarat jantina dalam keahlian mana-mana jawatan dan sektor dalam organisasi PAS, contohnya empat orang pimpinan Dewan Muslimat Negeri turut menjadi ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu. Ini menunjukkan penglibatan muslimat tidak terhad dalam Dewan Muslimat sahaja.

Peranan kepimpinan muslimat dalam Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu adalah menjadi wakil kepada suara muslimat PAS dalam mesyuarat, menyalurkan maklumat daripada kepimpinan tertinggi parti dan melaksanakan gerak kerja parti berdasarkan keputusan mesyuarat di peringkat negeri (Temu bual Ustaz Kamarudin Yunus, 2018). Selain itu, muslimat turut terlibat dalam Dewan Ulama' yang dikenali sebagai 'Alimat, iaitu terdiri daripada para muslimat lulusan pengajian agama Islam atau mempunyai pengetahuan tinggi berkaitan keilmuan Islam. Manakala dalam Dewan Pemuda, muslimat terlibat dalam Majlis Guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) iaitu sebagai pendidik dari kalangan muslimat yang mengajar di PASTI kerana pengurusan PASTI terletak di bawah Dewan Pemuda PAS. Begitu juga penglibatan muslimat dalam semua lajnah Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu, seperti Lajnah Tarbiyah, Lajnah Kebajikan dan lain-lain.


Kedudukan dan penglibatan mereka dalam organisasi parti adalah jelas menunjukkan kaum wanita atau muslimat telah diberi ruang dan peluang yang sama untuk berkhidmat dalam parti. Walau bagaimanapun, pemimpin muslimat juga terpaksa berhadapan dengan isu persepsi masyarakat terhadap kemampuan sebagai pemimpin (Nor Rafidah, 2017). Selain itu, faktor kepimpinan muslimat kurang menonjol telah menimbulkan persepsi kurangnya penglibatan mereka dalam parti ini. Namun, muslimat tetap berperanan dalam pelbagai bidang dalam sektor pengurusan parti, tarbiyah, dakwah dan politik di negeri ini. Faktor ini dilihat apabila kurangnya penulisan dan berita ditulis dalam penerbitan akhbar Harakah dan majalah parti di Negeri Terengganu.

Peranan dan Sumbangan Muslimat PAS Negeri Terengganu

Setiap jawatan dalam organisasi mempunyai bidang tugas yang khusus. Peranan Jawatankuasa Harian Dewan Muslimat PAS Negeri adalah seperti berikut (Perlembagaan PAS, 2001);

- i. Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan pentadbiran dan perjalanan Dewan Muslimat PAS Negeri dan urusan-urusan muslimat.
- ii. Menimbangankan sesuatu perkara yang penting dan terpaksa disegerakan.
- iii. Mengadakan hubungan dan diplomasi dengan pelbagai pihak selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar parti.
- iv. Melaksanakan tugas-tugas tertentu yang telah diputuskan oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Muslimat PAS Negeri.

Gerak kerja ahli muslimat di peringkat negeri dan kawasan adalah berpandukan perancangan yang telah dibincangkan oleh ahli jawatankuasa di peringkat masing-masing. Segala aktiviti dan gerak kerja adalah mengikut fungsi dan bidang kuasa lajnah-lajnah di peringkat negeri dan kawasan (Laporan Dewan Muslimat PAS Negeri, 1990-2003). Secara rumusannya, peranan muslimat PAS terbahagi kepada sektor pengurusan, tarbiyah, dakwah dan politik (*siyasah*) serta berdasarkan penumpuan dan fokus lajnah-lajnah dalam Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu.



Rajah 3 : Sektor Pengkhususan Dalam Gerak Kerja Kepimpinan Muslimat

Setiap lajnah atau jabatan dalam dewan muslimat melaksanakan gerak kerja berdasarkan penumpuan yang telah dibahagikan. Contohnya, dalam sektor tarbiyah, Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan bertanggungjawab menyusun aktiviti kerohanian serta memastikan ahli muslimat PAS menyertai usrah dan program pendidikan atau keilmuan bagi melahirkan ahli muslimat yang berilmu dan mempunyai kefahaman yang jelas tentang perjuangan Islam.

Peranan muslimat sebagai pendidik

Antara peranan penting yang dimainkan oleh para muslimat adalah dalam usaha tarbiyah dan pembinaan ahli dalam kalangan wanita. Tugas ini dipikul oleh naqibah kepada sesebuah usrah di setiap peringkat, yang merupakan nadi kepada perjuangan PAS. Mereka berperanan memastikan ahli PAS mempunyai kefahaman Islam yang mendalam dan mempraktikkan Islam sebagai addin dalam kehidupan (Arkib Muslimat PAS Terengganu). Selain itu, para naqibat bertanggungjawab membina fikrah ahli, membentuk dan melahirkan ahli yang faham tentang perjuangan parti sehingga menjadi pelapis kepimpinan untuk masa hadapan. Menjadi kewajipan, para naqibah haruslah mempunyai fikrah yang jelas, dan menepati syarat yang ditetapkan oleh parti (Temu bual Zarani Othman, 2019).

Peranan sebagai naqibah usrah adalah antara tugas utama muslimat PAS. Definisi usrah adalah kumpulan anggota jemaah yang bersedia untuk mengislahkan diri, keluarga, masyarakat dan negara selaras dengan kehendak Islam (Manhaj Usrah PAS, 2017). Naqibah pula adalah individu yang berperanan mengetuai dan mengendalikan usrah tersebut. Tanggungjawab naqibah adalah memastikan ahli usrah mempunyai al-Quran dan terjemahan dan boleh membaca al-Quran dengan betul, menggunakan kebijaksanaan dalam proses muhasabah anggota usrah, serta memastikan ahli usrah memahami dan melakukan ibadah solat, puasa, zakat dan ibadah lain dengan sempurna. Di samping itu, naqibah berperanan mencungkil bakat ahli usrah dalam organisasi, menggalakkan ahli usrah membaca buku ilmiah serta bertanggungjawab mengikuti perkembangan ahli usrah (Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS Pusat, 2003). Usrah muslimat telah dilaksanakan secara berkala berdasarkan rekod perjalanan Lajnah Tarbiyah dalam Arkib Dewan Muslimat Negeri Terengganu.

Muslimat PAS juga turut mempunyai sumbangan yang besar dalam bidang pendidikan khususnya pendidikan pra-sekolah iaitu Pusat Asuhan Tunas Islam yang dikenali sebagai PASTI. Sejak tahun 1980-an sehingga 2006, terdapat 195 buah PASTI di seluruh negeri Terengganu (Abu Bakar Abdullah, 2006). Para guru di PASTI terdiri daripada para muslimat yang terlatih serta mempunyai semangat juang seorang pendidik yang tinggi, untuk mendidik generasi awal ini walaupun imbuhan dan bayaran tidak selumayan institusi pendidikan yang lain. Di sini, terserlah nilai pengorbanan seorang pendidik demi melahirkan generasi yang berilmu serta cintakan agama, bangsa dan negara.

Selain itu, muslimat juga terlibat sebagai guru-guru di sekolah rendah Islam, Maahad Darul Quran Rusila serta Kolej Universiti Darul Quran Islamiyah Manir yang merupakan institusi pendidikan yang diasaskan oleh PAS (Abu Bakar Abdullah, 2006). Di samping itu, tokoh muslimat iaitu Safinah Jusoh dan Raja Endun Raja Abdul Rahman turut terlibat bersama pengasas Abu Bakar Chik dalam penubuhan Institut Berakan yang sekarang dikenali sebagai Maahad Tahfiz Wa Tarbiyyah Darul Iman. Raja Endun Raja Abdul Rahman masih aktif terlibat sebagai penasihat kepada Maahad Tahfiz Wa Tarbiyyah Darul Iman.

Peranan muslimat sebagai pendakwah dan aktivis kebajikan masyarakat

Tidak dinafikan, golongan muslimat dan wanita sinonim dengan nilai kasih sayang, perihal kebajikan dan kemasyarakatan. Denyut nadi dan jiwa mereka sangat sehati dan dekat di hati masyarakat. Muslimat PAS contohnya, sentiasa mengutamakan isu kebajikan dan kemasyarakatan kerana ianya merupakan antara agenda dakwah yang diperjuangkan PAS. Sejak awal penubuhan Jawatankuasa Muslimat PAS Cawangan, wakil kepimpinan muslimat telah aktif menjalankan kelas-kelas al-Quran dan fardhu 'ain untuk penduduk kampung (temu bual Maswati Ab Aziz, 2019). Dakwah Islam yang menjadi salah satu teras kepada parti PAS telah meletakkan dan memberikan tugas kebajikan serta kemasyarakatan turut sama dipikul oleh para muslimat. Muslimat PAS sangat komited, cakna dan prihatin kepada kebajikan masyarakat khususnya kepada mereka yang menghadapi kesukaran dan kesusahan dalam hidup.

Di samping itu, para muslimat PAS terus kekal dan konsisten menyebarkan dakwah Islam secara langsung walaupun hari ini, kemajuan teknologi semakin berkembang pesat. Mereka tidak pernah berhenti atau merasa penat dalam meneruskan metod dakwah yang berbentuk konvensional seperti mengadakan tazkirah pendek, majlis bacaan Yaasin, majlis doa selamat di kampung-kampung dan

sebagainya. Terdapat juga ahli muslimat yang berperanan sebagai guru al-Quran dan fardhu ain di kampung atau komuniti masing-masing. Contohnya, Puan Norizan Husin yang telah aktif menjalankan kelas agama di sekitar kampung sekitar tahun 2000 sehingga 2004. Peluang dan ruang yang ada ini dikira sangat berharga bagi para muslimat dalam menyantuni masyarakat selain dapat menyebarkan dakwah Islam yang menjadi tuntutan. Risalah tazkirah turut diagihkan bersama ketika berhadapan dengan sasaran dakwah dalam kalangan masyarakat.

Unit Pembangunan Insan (UPI) sekitar tahun 1999 hingga 2004, menumpukan usaha pembangunan rohani melalui aktiviti kuliah, ceramah, tazkirah, usrah dan seumpamanya (Abu Bakar Abdullah, 2006). Inisiatif Kerajaan Negeri ini melibatkan 160 orang tenaga muslimat seluruh negeri. Para muslimat yang terlibat dengan UPI sangat aktif bergerak, dan mempunyai peranan di komuniti masing-masing.

Peranan muslimat sebagai pemimpin dan sektor pembuat keputusan

Penglibatan Khadijah Sideq pada pilihan raya tahun 1959 telah membuktikan sejarah penglibatan wanita dalam sektor pembuat keputusan telah lama ada dalam parti PAS. Sebagaimana muslimat juga terlibat sebagai ahli mesyuarat Jawatankuasa Harian Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu iaitu peringkat tertinggi dalam struktur organisasi parti peringkat negeri. Dalam sejarah Dewan Undangan Negeri pula, Sidang DUN Terengganu pada 24 April 2003, telah meluluskan Enakmen bagi Meminda Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan 2003) yang dikemukakan oleh Dato' Wan Abdul Muttalib Embong, Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Buruk. Enakmen ini dikemukakan bagi membolehkan DUN Terengganu melantik Ahli Dewan Undangan Negeri dari kalangan wanita dan wakil bukan Islam, apabila tiada dalam kalangan mereka yang terpilih dalam pilihan raya. Langkah ini diambil oleh kerajaan negeri untuk memberi hak kepada golongan wanita dan bukan Islam untuk menyuarakan nasib mereka.

Pembentukan portfolio Hal Ehwal Wanita, di bawah portfolio tersebut kemudian diwujudkan Badan Induk Wanita Terengganu (Mawaddah). Misi penubuhan adalah untuk membela, melindungi, dan memartabatkan hak wanita serta meletakkan mereka di tempat yang bersesuaian dengan tuntutan Islam. To' Puan Hajah Fatimah Ibrahim dan To' Puan Hajah Zarani Othman antara yang terlibat secara langsung dengan badan ini sekitar tahun 2003 sehingga 2004. Melalui mesyuarat portfolio tersebut, kepimpinan muslimat PAS menyalurkan pandangan dan cadangan mereka kepada Kerajaan Negeri Terengganu Ketika itu.

Peranan muslimat sebagai ahli jemaah Islam

Sebagai ahli dalam sebuah jemaah Islam, ahli muslimat disarankan untuk taat atau *wala'* kepada kepimpinan jemaah. Para muslimat telah menganggap PAS sebagai sebuah jemaah Islam dan gerakan dakwah di negeri ini, bukan sekadar sebuah parti politik. Oleh itu, mereka akan memberi kepercayaan kepada kepimpinan mereka dan taat kepada keputusan kepimpinan. Sebagaimana kedudukan dan penglibatan mereka dalam organisasi dan lapangan masyarakat adalah jelas menunjukkan muslimat telah berperanan sebagai ahli jemaah Islam yang baik.

KESIMPULAN

Sejarah telah membuktikan penglibatan wanita dalam politik sejak dahulu lagi. Perbincangan tentang peranan muslimat dalam PAS disusun mengikut struktur organisasi dalam parti. Muslimat PAS adalah berperanan sebagai pemimpin dalam organisasi, naqibah usrah, pendidik iaitu guru di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, aktivis kebajikan masyarakat dan ahli parti. Muslimat PAS juga terlibat dalam organisasi Dewan Ulama', Dewan Pemuda dan lajnah-lajnah lain dalam Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu. Selain itu, penglibatan dan pencapaian muslimat PAS membuktikan keberadaan dan tugas mereka sebagai salah satu organ parti yang

melengkapkan, sekaligus berjaya meningkatkan kuantiti dan kualiti ahli wanita serta memperkasa peranan wanita dalam politik. Walau bagaimanapun, sejarah perkembangan muslimat PAS tidak diperincikan secara menyeluruh di Malaysia kerana skop kajian ini tertumpu kepada PAS di Negeri Terengganu. Namun demikian, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan tambahan penyelidik lain, khususnya yang berminat terhadap kajian sejarah dan peranan wanita dalam parti politik.

RUJUKAN

Artikel Jurnal

- Abu Bakar bin Abdullah. (2011). Analysis on the Ruling Principles of Parti Islam Se Malaysia (PAS) in Administration and Development of the State of Terengganu within the Period of 1999-2004. *International Journal of Business and Social Science*, 2(7): 46-51.
- Ilyas Abdullah (2018). Politik Baru Pasca PRU Ke-10: Analisis Terhadap Transformasi Budaya Politik Melayu Terengganu. *Sains Insani*, 3(1): 67-74.
- Nor Rafidah Saidon. (2017). Faktor Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika* 87(3): 61-73.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2011). Khatijah Sidek : Suara Pejuang Terpinggir yang Dibisukan dalam Sejarah Perkembangan Politik UMNO. *Jurnal Akademika* 81(3): 43-47.

Buku

- Al-Quran Al-Karim. (2016). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Quran Al-Karim : Tafsir Pedoman Muttaqin. (2014). Putrajaya : Bahagian Penerbitan JAKIM.
- Abdullah Basmeih (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. cetakan 12.
- Abu Bakar Abdullah. (2006). *50 Tahun PAS Terengganu 1956-2006*. Kuala Terengganu: Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu.
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Sa‘d. (1983). *Kitāb at-Tabaqāt al-Kubra*. Beirut: Dār Sādir.
- Abdul Halim Abu Syuqqah. (2009). *Kebebasan Wanita (Tahrīr al-Mar’ah fī ‘Asr al-Risālah)*. Jilid 1. Penterjemah : Farida Sulaeman. Shah Alam, Selangor: Pustaka Dini.
- Andek Masnah Andek Kelawa. (1999). *Kepimpinan Wanita Dalam Islam : Kedudukannya Dalam Syariah*. Bangi, Selangor. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- HAMKA, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (2004). *Tafsir Al-Azhar Jilid 1*. Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd. hal 537.
- Harun Taib (1992). *Muslimat Pembangun Ummah*. Kuala Terengganu: PAS Negeri Terengganu.
- Khatijah Sidek. (2010). *Memoir Khatijah Sidek Puteri Kesateria Bangsa*. Khatijah Sidek. Bangi: UKM Press (Cetakan Ketiga).
- Lenore Manderson. (1970) *Women Politics and Change, The Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945- 1972*. Kuala Lumpur, Oxford University Press.
- Makmor Tumin (2006). *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 13.
- Mohd Nasir Awang. (2004). *Mengembalikan Kedaulatan Darul Iman*. Kuala Terengganu : Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu.
- Shamsiah Fakeh. (2007). *Memoir Shamsiah Fakeh dari AWAS ke Rejimen ke-10* . Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre.
- Wan Hashim. (1995). *Memoir Khadijah Sidek, Puteri Kesatria Bangsa*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusuf al-Qaradawi. (2002). *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam*. Penterjemah: Arsil Ibrahim, Kuala Lumpur: ABIM.

Sumber Internet

- Sejarah Parti Islam Se Malaysia (2018). Dari <https://pas.org.my/sejarah-parti-islam-se-malaysia-pas/>.
- Zawiyah Mohd Zain, Mohammad Agus Yusoff, Zaheruddin Othman. (2015). *Internet dan kebangkitan demokrasi siber di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umum 1999 dan 2008*. Malaysia Journal of Society and Space 11 issue 6 (56 - 66) dari <http://ejournal.ukm.my/gmjss>.

Kertas Persidangan/ Prosiding

- Khairunnisa Ahmad Hamidi & Zakaria Mustafa . (2013, Jun). *Politik Gender: Perbandingan Peranan Wanita Dan Proses Politik Di Malaysia-Jepun: Halangan Dan Prospek*. Paper at Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013 (e-ISBN 978-967-11768-1-8). 4-5 June 2013, Pulau Pinang.

Tesis

- Mohd Shafei Ngah. (1995). *Kedudukan Wanita Dalam Parlimen Malaysia : Kajian Pendekatan Institusi Syura dalam Islam*. Tesis Sarjana Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Soud Said. (1999). *Sejarah dewan muslimat Pas dan sumbangannya dalam politik Malaysia : suatu kajian di Kuala Terengganu* (Tesis Sarjana). Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Nik Mayani Nik Wan Ku. (1995). *Dewan Muslimat Parti Islam Semalaysia (PAS) Terengganu: Sumbangannya Terhadap Pembangunan Ummah*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Siti Zafrina Mohd Zahari. (2013). *Analisis Pensejarahan Penyertaan Calon Wanita Muslim Dalam Pilihanraya Umum Dari Tahun 1959-2008 Di Semenanjung Malaysia*. (Tesis Sarjana). Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Zaireeni Azmi. (2001). *Gender dan Politik : Kajian Kes ke Atas Wanita UMNO dan PAS di Terengganu dan Selangor*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Dokumen Arkib

- Jabatan Arkib Dewan Muslimat PAS Pusat. (2006) *Srikandi Mata Rantai Perjuangan*. Kuala Lumpur: Dewan Muslimat PAS Pusat.
- Kerajaan Negeri Terengganu. (2000). *Warta Darul Iman* Tahun 1 Bil.9, 8.Oktober 2000, Kuala Terengganu: Unit Penerangan Negeri Terengganu.
- Laporan Minit Mesyuarat Agung : Kertas Muktamar Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu Tahun 1998-2004.
- Manhaj Usrah PAS Peringkat Taarif 1*. Kuala Lumpur : Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat.
- Mat Zain Mat Isa, (31 Ogos 2012). Terengganu letak muslimat hanya jika terpaksa. *Harakah*, Bil: 1771, 22.
- Panduan Usrah Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS Pusat; Laporan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan Dewan Muslimat PAS Negeri Terengganu 1999 – 2003; Minit Mesyuarat Lajnah Tarbiyyah dan Kepimpinan 2001.
- Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (Pindaan 2011). Pejabat Agung PAS Pusat, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Rakaman Video dan Audio

- Siaran Darul Iman Edisi 1 & 2. (2003). Terengganu : Pustaka Unit Penerangan Negeri Terengganu.